

B E R I T A **HASiL**

EDISI 02/2025



Menyingkap Inspirasi di Sebalik Kepimpinan :

YBrs. Puan Norfaidah binti Daud

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar)

Nota Editor

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, kita kembali dengan edisi terbaharu Berita HASiL yang sarat dengan pelbagai perkong-sian, sorotan aktiviti serta informasi terkini dunia percukaian negara.

Edisi kali ini cukup istimewa kerana kita menyingkap perjalanan serta legasi kepimpinan YBr. Puan Norfaidah binti Daud, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar) HASiL, yang akan menamatkan perkhidmatan beliau. Sepanjang lebih tiga dekad bersama HASiL, beliau telah meninggalkan impak yang besar, bukan sahaja dalam penggubalan dasar percukaian negara, tetapi juga dalam membentuk generasi pegawai yang berintegriti dan berdaya saing. Liputan khas ini merupakan tanda penghargaan HASiL kepada jasa dan bakti beliau.

Selain itu, edisi ini turut mengetengahkan pelbagai sorotan program utama seperti National Tax Conference (NTC) 2025, perkembangan terkini pelaksanaan e-Invois, siri Operasi Pematuhan HASiL, serta inisiatif HASiL Prihatin bersama komuniti. Semuanya memperlihatkan komitmen berterusan organisasi dalam memperkukuh integriti sistem percukaian negara, memperluas asas cukai, serta menyokong kesejahteraan rakyat.

Sebagai medium komunikasi warga HASiL, kami berharap edisi ini bukan sahaja memberi maklumat terkini, malah mampu menyuntik inspirasi dan semangat baharu dalam kita semua untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada negara dan rakyat.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Berita HASiL kali ini. Semoga usaha kecil ini terus menjadi wadah yang menghubungkan kita sebagai satu pasukan, serta memperkukuh semangat kerja berteraskan integriti, profesionalisme dan semangat kebersamaan.

Selamat membaca!

Yang ikhlas,
[Nurul Nadia binti Ahmad Shukri]
Editor Berita HASiL - Edisi 02/2025



Ikon HASiL

- 2 Menyingkap Inspirasi di Sebalik Kepimpinan : YBr. Puan Norfaidah binti Daud Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar)

Terkini dari HASiL

- 8 Duti Setem
- 9 Tax Corporate Governance
- 10 e-Janji Temu

POV Cukai

- 11 Ekonomi Bayangan
- 13 Sijil Pematuhan Cukai (TCC)

Operasi HASiL

- 15 OP Tuntas
- 16 OP Kinta
- 17 OP Metro 3.0
- 18 OP Wau
- 19 OP Tanjong
- 20 OP Tuah
- 21 OP Titan



Perkembangan e-Invois

- 22 e-Invois: Pemangkin Pendigitalan dan Pemodenan PMKS di Malaysia
- 24 Sidang Media Pelaksanaan e-Invois Fasa 3
- 26 Publisiti e-Invois Peringkat Negeri

28 Pengiktirafan Team HASiL

Sorotan HASiL

- 29 National Tax Conference (NTC) 2025

Klinik Cukai

- 31 Sekatan Perjalanan
- 32 Proses dan Kepentingan Audit
- 33 Tanggungjawab Majikan dalam Percukaian Pekerja

HASiL & Komuniti

- 34 HASiL Prihatin: Menyusur Lebih 130 KM Demi Komuniti Pedalaman Pos Balar
- 35 Menjejak Komuniti, Menyulam Empati: Sabak Bernam Jadi Saksi Keprihatinan Warga HASiL
- 36 SK Gusai: Terpencil Bukan Terpinggir

37 Profil Pembayar Cukai: Sekilas Perkongsian

39 Kempen Kesedaran Cukai HASiL

Menyingkap Inspirasi di Sebalik Kepimpinan

YBRS. PUAN NORFAIDAH

BINTI DAUD

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



Penghargaan Seorang Pemimpin

Edisi khas kali ini didedikasikan kepada YBr. Puan Norfaidah binti Daud, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar), yang akan menutup tirai perkhidmatan beliau di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL). Sepanjang lebih tiga dekad berkhidmat, beliau telah mencurahkan bakti dengan penuh integriti, meninggalkan legasi kepemimpinan yang akan terus menjadi sumber panduan dan inspirasi kepada seluruh warga HASiL.

KEPIMPINAN DAN CABARAN

DEFINISI PEMIMPIN BERKUALITI MENURUT PANDANGAN YBR. PUAN NOORFAIDAH SERTA ELEMEN WAJIB DIMILIKI SEORANG PEMIMPIN

Menurut YBr. Puan Noorfaidah binti Daud, pemimpin merupakan tonggak utama yang berperanan mengemudi hala tuju dan memastikan kelestarian sesebuah organisasi.

Memetik hadis riwayat al-Bukhari, Rasulullah S.A.W. bersabda:

“Setiap daripada kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan terhadap orang yang berada di bawah pimpinan kamu.”

Hadis ini, jelas beliau, menggambarkan bahawa kepemimpinan merupakan amanah besar yang menuntut tanggungjawab, integriti dan kebijaksanaan dalam membuat keputusan.

Tambah beliau lagi, kejayaan seorang pemimpin tidak hanya diukur melalui pencapaian material, trofi atau anugerah yang diraih, tetapi turut dinilai daripada kekuatan pasukan, kesepaduan visi, pengorbanan demi kepentingan bersama serta iltizam untuk mencapai kejayaan kolektif. Nilai-nilai ini, ujar beliau, tidak dapat dibentuk dalam masa singkat, sebaliknya memerlukan kepemimpinan yang konsisten, berpandangan jauh, serta teguh hati dalam menghadapi cabaran.

ASAS KEPIMPINAN BERKUALITI

“Pemimpin yang berkualiti perlu memiliki visi yang jelas dan memimpin melalui tauladan agar kejayaan dapat dicapai serta dikekalkan.”

— YBr. Puan Noorfaidah

Menurut Puan Noorfaidah, dua asas utama kepemimpinan yang wajar dimiliki oleh seorang pemimpin berkualiti adalah visi yang jelas dan mapan serta kepemimpinan melalui tauladan.

Dalam konteks persekitaran kerja sebagai seorang pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL), sama ada di peringkat Pengarah Sektor, Jabatan, Negeri mahupun Cawangan Khas, adalah penting untuk memahami terlebih dahulu proses kerja serta mengenal pasti elemen SWOT (*Strengths*,

Weaknesses, *Opportunities* and *Threats*) di setiap Bahagian, Seksyen dan Unit.

Pemahaman menyeluruh terhadap elemen-elemen ini akan membolehkan hala tuju dan strategi, sama ada jangka pendek atau jangka panjang dirangka dengan lebih tepat.

Dengan landasan ini, visi yang menjadi kiblat perjuangan akan mampu diterjemahkan kepada pencapaian yang membanggakan.



Kejayaan tidak lahir daripada arahan semata-mata, tetapi daripada tauladan yang ditunjukkan.”



Visi yang jelas menjadi kiblat perjuangan ke arah pencapaian membanggakan.”



Menurut beliau lagi, pemimpin yang baik mampu mencipta kejayaan, namun pemimpin yang berkualiti bukan sahaja mencipta kejayaan, malah mengekalkannya. Kejayaan yang berterusan merupakan cabaran terbesar bagi setiap pemimpin sekiranya tiada penglibatan secara langsung dan amalan *walk the talk*

yang dizahirkan secara konsisten. Tanpa disedari, motivasi kerja tidak lahir daripada arahan semata-mata, tetapi daripada tauladan yang ditunjukkan.

Dalam proses kepimpinan, halangan dan kekangan adalah lumrah yang perlu dihadapi oleh setiap pasukan.

Justeru, ia menuntut ketahanan jati diri daripada seorang pemimpin yang matang dalam mendepani cabaran. Kebijaksanaan dan iltizam yang tinggi dalam mencari penyelesaian yang berkesan akan menjadikan seorang pemimpin itu bukan sahaja disegani, malah dihormati.

KEPUTUSAN SEORANG PEMIMPIN MAMPU MENGUBAH SEGALANYA

Menurut beliau, setiap peringkat kepimpinan hendaklah bijak serta berwaspada dalam membuat keputusan. Sama ada kecil mahupun besar, setiap keputusan berpotensi memberi kesan secara langsung atau tidak langsung terhadap keharmonian dan imej organisasi yang kita sanjungi.

Sebelum sesuatu keputusan dimuktamadkan, sesi *brainstorming* wajar dilaksanakan sama ada secara individu atau berkumpulan, bergantung pada tahap kritikal keputusan tersebut. Sesi ini merangkumi beberapa peringkat, antaranya pemahaman dan pengumpulan fakta kes, penilaian pilihan keputusan yang tersedia, pertimbangan implikasi jangka pendek dan jangka panjang, serta penyediaan langkah mitigasi sekiranya wujud kekangan yang dijangka. Keseluruhan proses

ini perlu diberi keutamaan bagi memastikan keputusan yang diambil menepati standard, tepat dan memberi manfaat kepada semua pihak.

Tambahan pula, keputusan yang berkualiti tidak akan terhasil sekiranya dipengaruhi oleh emosi yang tidak menentu atau kepentingan peribadi yang mengatasi kepentingan organisasi secara keseluruhan. Setiap keputusan seharusnya disandarkan kepada nilai profesionalisme dan integriti yang tinggi agar sebarang isu atau permasalahan dapat diselesaikan secara tuntas tanpa mencetuskan perkara-perkara berbangkit yang tidak relevan.

CABARAN DALAM MEMASTIKAN DASAR HASIL TERUS RELEVAN DAN KEKAL MENJADI BADAN PERCUKAIAN TERUNGGUL

Cabaran Mengimbangi Kepentingan Pelbagai Pihak

Menurut Puan Noorfaidah, antara cabaran terbesar yang dihadapi

adalah memastikan dasar percukaian negara mengekalkan kelestarian hasil, tanpa membebankan pembayar cukai atau menjejaskan kelancaran perkhidmatan percukaian. Setiap perubahan dasar, sama ada cadangan pelaksanaan cukai baharu atau penambahbaikan insentif sedia ada, memerlukan penelitian mendalam serta rundingan bersama pelbagai kementerian, agensi dan pertubuhan berkepentingan.

“Terdapat keadaan di mana keputusan teknikal yang tepat perlu diperincikan dengan jelas bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan pengamal percukaian, terutamanya pembayar cukai,” ujar beliau.

Ketelusan dan Kebolehlaksanaan dalam Reformasi Dasar

Puan Noorfaidah turut menjelaskan bahawa beliau sering berdepan dengan keputusan sukar dalam melaksanakan reformasi dasar, termasuk penambahbaikan kepada sistem cukai langsung seperti cukai pendapatan individu dan syarikat.

“Sebagai contoh, dalam usaha memperluaskan asas cukai (*tax base*), kami mengambil langkah menilai semula beberapa pengecualian cukai yang telah dinikmati sekian lama untuk dibentangkan di peringkat Kementerian. Walaupun ia dianggap sensitif, langkah ini adalah penting bagi memastikan kelestarian hasil negara dalam jangka panjang,” jelas beliau.

Teknologi dan Pematuhan Sukarela

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa meningkatkan tahap pematuhan sukarela dalam kalangan pembayar cukai turut menjadi cabaran, khususnya dalam era ekonomi digital dan gig.

“Kami perlu merangka dasar yang mampu menangani perkembangan ekonomi baharu ini, di samping memastikan pembayar cukai tradisional tidak terbeban secara tidak adil. Antaranya melalui pelaksanaan e-Invois dan Sistem Taksir Sendiri (STS), serta

menguatkuasakan peruntukan undang-undang bagi pengenaan cukai ke atas aktiviti ekonomi dalam talian melalui platform digital dan penyedia perkhidmatan semasa,” katanya.

ASPIRASI & INSPIRASI

CABARAN PERKHIDMATAN – PENDEKATAN DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN

Mengulas tentang cara mengekalkan semangat serta fokus dalam menghadapi pelbagai cabaran perkhidmatan, Puan Noorfaidah menegaskan bahawa berpaut kepada perjuangan asal adalah kunci utama. “Sentiasa kembali kepada matlamat dan tanggungjawab asal membantu saya mengingatkan peranan penting dalam menyumbang kepada pembangunan negara melalui sistem percukaian yang adil dan berkesan,” jelas beliau. Menurutnya lagi, kesedaran bahawa setiap

keputusan dasar memberi impak langsung kepada kelancaran kutipan cukai menjadi pendorong kepada beliau untuk terus komited.

Beliau turut menekankan kepentingan bekerja dalam satu pasukan yang kukuh. Sokongan dan pandangan rakan sekerja serta pihak berkepentingan, katanya, bukan sahaja memberi motivasi tetapi juga membantu membuat keputusan dengan lebih teliti, matang dan berhemah. “Kekuatan organisasi

datang daripada kerjasama yang erat di antara semua pihak,” tambah beliau.

Selain itu, beliau juga melihat bahawa cabaran adalah sebagai peluang untuk berkembang dan berinovasi. Pendekatan ini, ujarnya, membolehkan setiap halangan menjadi pemangkin kepada penambahbaikan berterusan, sekali gus mengekalkan semangat dalam mencapai kecemerlangan perkhidmatan.

KATA-KATA INSPIRASI SEBAGAI PANDUAN



“ Don’t settle for average. Bring your best to the moment. Then, whether it fails or succeeds, at least you know you gave all you had. ”

— Angela Bassett —

Petikan ini bagi beliau telah menjelaskan bahawa setiap tugas yang diamanahkan perlu dilakukan dengan penuh kesungguhan sehingga mencapai objektif atau sasaran yang ditetapkan. “Melakukan sesuatu tanpa sehabis baik hanya akan menjadikannya sia-sia dan membuang masa.” tegas beliau.

PERSPEKTIF IKON

PENGURUSAN KEWANGAN



Beliau sentiasa mengamalkan sikap berbelanja mengikut keperluan dan kemampuan kewangan diri. “Perkara yang perlu diingat, khususnya bagi generasi muda - tidak semua kemahuan perlu dituruti dan elakkan berbelanja secara berlebihan sehingga membebankan diri,” katanya.

Beliau turut menekankan kepentingan memberi sebagai amalan hidup. “Apabila kita memberi, akan hadir keberkatan dan nikmat yang tidak disangka-sangka,” tambah beliau.

IMEJ DAN KETERAMPILAN DIRI



Bagi beliau, apa yang paling penting adalah keselesaan dan kesesuaian dengan majlis serta tempat yang dituju. “Asalkan pakaian selesa dan sesuai dengan keadaan, itu sudah memadai,” ujar beliau.

SANTAI SEMINIT

Hobi

Melancong

Warna pilihan

Hijau dan hitam

Tonton filem atau membaca buku?

Bergantung

Shopping atau melancong?

Kedua-duanya

Destinasi pilihan untuk melancong

Greece kerana hajat belum tercapai

PERJALANAN KARIER DI LHDN

TAHUN 2024

15 Oktober 2024 - Terkini

TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (DASAR)

TAHUN 2024

15 Mac 2024 - 14 Oktober 2024

PENGARAH JABATAN PEMATUHAN CUKAI



TAHUN 2024

01 Januari 2024 - 14 Mac 2024
PENGARAH NEGERI SELANGOR

TAHUN 2023

7 Februari 2023 - 31 Disember 2023
PENGARAH NEGERI PULAU PINANG

TAHUN 2021

01 Disember 2021 - 6 Februari 2023
PENGARAH NEGERI KEDAH & PERLIS

TAHUN 2019

01 Januari 2019 - 31 November 2021
**TIMB. PENGARAH JABATAN
 JAB. DASAR PERCUKAIAN**

TAHUN 2013

01 Julai 2013 - 31 Disember 2019
**TIMB. PENGARAH JABATAN
 RESOLUSI PERTIKAIAN**

TAHUN 2007

01 Januari 2007 - 30 Jun 2013
**PENGARAH BAHAGIAN,
 JAB. DASAR PERCUKAIAN**

TAHUN 2004

01 Januari 2004 - 31 Disember 2006
TIMB. PENGARAH CAWANGAN Kuantan

TAHUN 1999

01 Jun 1999 - 31 Disember 2003
PEGAWAI PENAKSIR, CAWANGAN SYARIKAT

TAHUN 1996

01 Oktober 1996 - 31 September 1999
PEGAWAI PENAKSIR, CAWANGAN CHERAS

TAHUN 1991

01 Jun 1991 - 31 September 1996
PEGAWAI PENAKSIR, CAWANGAN DUTA

Menutup Tirai, Membuka Langkah Baharu

Bismillahirrahmanirrahim,

Saya bagi pihak seluruh warga HASiL ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Puan Norfaidah Daud, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar) atas segala sumbangan, bakti dan jasa yang telah dicurahkan sepanjang bersama keluarga besar HASiL.

Sesungguhnya bakti dan jasa Puan Norfaidah tidak terhitung nilainya. Setiap usaha yang disumbangkan, setiap idea yang diketengahkan, dan setiap kepimpinan yang ditunjukkan telah memberi manfaat yang besar kepada pembangunan organisasi ini dalam pelbagai lapangan.

Mudah-mudahan Allah SWT sentiasa melimpahkan rahmat, meluaskan rezeki, serta mengurniakan keberkatan yang berpanjangan kepada Puan Norfaidah dan keluarga. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin
Ketua Pegawai Eksekutif HASiL

PENUTUP

Bagi seluruh warga HASiL, jasa dan sumbangan beliau akan terus dikenang. Berita HASiL edisi ini merakamkan penghargaan tulus kepada Puan Norfaidah dan mendoakan agar langkah baharu selepas ini dipenuhi kebahagiaan, kesihatan yang baik dan keberkatan.



PENEMUAN DAN PENDEKATAN BAHARU DUTI SETEM ATAS KONTRAK PENGGAJIAN

Selaras dengan inisiatif transformasi percukaian menerusi pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri Duti Setem (STSDS) mulai 1 Januari 2026, HASiL telah mengambil langkah proaktif dengan mengeluarkan Rangka Kerja Audit Duti Setem (RKADS) pada awal tahun ini, sebagai panduan pelaksanaan audit yang lebih terarah serta bagi meningkatkan kesedaran pematuhan.

Susulan pelaksanaan audit duti setem yang diperluas, kontrak penggajian yang tidak disetemkan telah dikenal pasti sebagai antara isu pematuhan utama di bawah Akta Setem 1949. Berdasarkan Item 4 Jadual Pertama akta berkenaan, duti setem sebanyak RM10 dikenakan bagi setiap kontrak penggajian.

Sebagai respons terhadap dapatan audit dan bagi menyokong pematuhan secara praktikal tanpa membebankan majikan, Kementerian Kewangan telah meluluskan langkah pengecualian duti setem yang bersifat bersasar seperti jadual berikut:

Tarikh Kontrak Dimuktamadkan	Pengeunaan Duti
Sebelum 1 Januari 2025	Diberi pengecualian sepenuhnya
Sepanjang tahun 2025	Dikenakan duti setem dan penalti diremitkan jika penyeteman dibuat sebelum 31 Disember 2025
Mulai 1 Januari 2026	Tertakluk sepenuhnya kepada duti dan penalti jika disetem lewat daripada tempoh ditetapkan

Pendekatan ini bukan sahaja membantu mengurangkan tekanan pematuhan, malah membolehkan pelaksanaan audit dijalankan dengan lebih berfokus dan berimpak. Keputusan ini juga menyumbang kepada penyusunan semula keutamaan audit secara menyeluruh, selari dengan usaha untuk memperkemas strategi penguatkuasaan dan meningkatkan kecekapan operasi.

Langkah pengecualian bersasar ini dijangka dapat menyokong penyelarasan amalan pematuhan yang lebih sistematik dalam kalangan majikan, sekali gus memperkukuh kesiapsiagaan ke arah pelaksanaan STSDS secara berfasa mulai tahun hadapan. Inisiatif ini turut mencerminkan satu lagi anjakan struktur penting dalam usaha membina ekosistem percukaian negara yang lebih mampan dan progresif.

TAX CORPORATE GOVERNANCE

Membangun Kepercayaan,

Memacu Pematuhan

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkukuh pematuhan secara sukarela melalui pendekatan kerjasama strategik dengan syarikat korporat, HASiL telah mengambil langkah proaktif dengan mengemas kini beberapa dokumen panduan utama di bawah inisiatif *Tax Corporate Governance* (TCG).

Pengemaskinian melibatkan *Tax Corporate Governance Framework* (TCGF), *Guidelines on TCGF* dan Soalan Lazim yang boleh diakses melalui portal rasmi HASiL. Inisiatif ini memberi penekanan kepada keperluan mewujudkan rujukan yang lebih jelas, menyeluruh dan konsisten bukan sahaja bagi pembayar cukai, tetapi juga untuk pegawai HASiL yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan dan pemantauan program ini.

Penambahbaikan dokumentasi ini mencerminkan komitmen berterusan HASiL dalam memperkemas pelaksanaan program, memperkukuh kejelasan dasar serta memperluas pemahaman bersama antara HASiL dan pembayar cukai.

Dari sudut pembayar cukai, dokumentasi yang telah dikemaskini ini dapat menyokong usaha mempertingkatkan tadbir urus dalaman syarikat, termasuk dalam aspek pengurusan risiko dan integriti pelaporan. Bagi pegawai HASiL pula, ia menjadi rujukan penting untuk memahami inisiatif ini dengan lebih mendalam serta menyokong pelaksanaan yang lebih cekap dan konsisten.

Pendekatan TCG yang berteraskan kerjasama dan kolaboratif ini telah membuka ruang baharu ke arah pembinaan hubungan strategik jangka panjang antara HASiL dan syarikat korporat, seiring dengan inisiatif *cooperative compliance* dalam usaha membudayakan pematuhan cukai secara sukarela. TCG bukan hanya mekanisme pematuhan, tetapi satu platform dialog yang menyokong perkongsian nilai bersama dan pemahaman dua hala.

Penyertaan Kumpulan Syarikat Perodua baru-baru ini menjadi antara contoh kejayaan pelaksanaan TCG apabila tiga entiti di bawah kumpulan tersebut menerima Sijil Penyertaan TCG setelah melalui

proses penilaian menyeluruh terhadap aspek tadbir urus dan sistem kawalan dalaman.

Secara keseluruhannya, pengemaskinian dokumen TCG ini bukan sekadar menyokong penambahbaikan teknikal, tetapi turut mencerminkan peranan penting warga kerja HASiL dalam merealisasikan tadbir urus cukai yang lebih mampan dan responsif. Dengan panduan yang ditambah baik dan pendekatan yang terus diperhalusi, inisiatif TCG dijangka terus menjadi pemacu kepada ekosistem percukaian yang progresif dan berteraskan kerjasama yang kukuh antara HASiL dan pembayar cukai.



PERLUASAN FUNGSI

E-JANJI TEMU

BAGI MENYOKONG KECEKAPAN PERKHIDMATAN



Perluasan fungsi e-Janji Temu yang berkuat kuasa mulai 1 Mei 2025 merupakan antara inisiatif strategik dalam usaha mempertingkatkan kecekapan komunikasi antara HASiL dan pembayar cukai. Menerusi fungsi baharu ini, pembayar cukai yang menerima notis atau surat melalui portal MyTax kini boleh menjadualkan janji temu secara terus dengan pegawai yang bertanggungjawab, sama ada secara fizikal mahupun dalam talian, bergantung kepada kesesuaian dan keperluan semasa.

Dari sudut operasi, keupayaan menjadualkan janji temu ini bukan sahaja membantu dalam menyusun

keutamaan kerja pegawai, malah membolehkan persediaan awal yang lebih tersusun sebelum pertemuan berlangsung. Keadaan ini turut memberi ruang kepada pegawai untuk menilai kes secara menyeluruh, seterusnya menyumbang kepada keberkesanan penyampaian maklumat dan penyelesaian isu secara lebih profesional.

Bagi pembayar cukai pula, pendekatan ini memberi isyarat jelas bahawa komunikasi dua hala yang sistematik dan tersusun semakin menjadi keutamaan dalam penyampaian perkhidmatan. Penyampaian maklumat yang lebih terarah dan sistem janji temu

yang tersusun bukan sahaja akan meningkatkan tahap keyakinan terhadap organisasi, malah secara tidak langsung menggalakkan pematuhan sukarela.

Inisiatif ini turut mencerminkan hala tuju digitalisasi perkhidmatan yang bukan sekadar berorientasikan teknologi, tetapi turut mengambil kira keperluan operasi dan realiti pelaksanaan di lapangan. Dalam jangka masa panjang, peluasan e-Janji Temu ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada budaya kerja yang lebih responsif, mesra pelanggan dan berteraskan penyelesaian.

MENANGANI EKONOMI BAYANGAN DEMI KESEJAHTERAAN NEGARA

Dalam landskap ekonomi semasa yang semakin kompleks, kewujudan ekonomi bayangan kini menjadi antara isu utama yang menimbulkan kebimbangan pelbagai pihak. Menurut kenyataan Timbalan Menteri Kewangan, Yang Berhormat (YB) Lim Hui Ying, saiz ekonomi bayangan di Malaysia secara purata **dianggarkan sebanyak 21.2%** daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tempoh 2010 hingga 2019.

Ekonomi bayangan merujuk kepada aktiviti ekonomi yang dijalankan di luar pengetahuan atau pemantauan rasmi pihak berkuasa, sama ada secara sengaja atau tidak, dan mengelak daripada dikenakan cukai. Fenomena ini bukan sahaja melibatkan perniagaan kecil tidak berdaftar atau pekerjaan dalam sektor tidak formal, malah turut merangkumi transaksi perniagaan berskala besar yang tidak direkodkan, kegiatan penyeludupan serta aktiviti ekonomi digital yang tidak dikawal. Meskipun ada pihak yang melihatnya sebagai alternatif untuk mengurangkan kos operasi dan kerumitan urusan rasmi, pada hakikatnya kegiatan ini menyumbang kepada ketirisan hasil negara dan menjejaskan keadilan dalam sistem percukaian.



Impak Ekonomi Bayangan terhadap Sistem Percukaian

Ekonomi bayangan membawa implikasi besar terhadap keupayaan kerajaan untuk membina asas cukai yang kukuh dan adil. Apabila sebahagian besar aktiviti ekonomi tidak dilaporkan, hasil cukai yang sepatutnya dikutip akan berkurangan. Keadaan ini mewujudkan ketidakseimbangan dengan beban percukaian terpaksa ditanggung oleh golongan pembayar cukai yang patuh. Hal ini bukan sahaja menjejaskan kelestarian fiskal negara, malah boleh menjejaskan tahap kepercayaan rakyat terhadap sistem percukaian yang sedia ada. Dalam jangka panjang, keadaan ini boleh membantutkan pelaksanaan dasar pembangunan dan penyediaan perkhidmatan awam yang bergantung pada hasil pendapatan kerajaan.

Inisiatif HASiL untuk Memperluas Asas Cukai

Pemeriksaan Teknologi bagi Pemodenan Sistem Percukaian

Pembesaran asas cukai menjadi satu keutamaan dalam pentadbiran hasil pendapatan negara. Pendekatan ini memberikan fokus kepada usaha membawa lebih banyak pihak, khususnya yang berada dalam sektor tidak formal, ke dalam rangka sistem percukaian yang sah. Langkah ini tidak bertujuan untuk menaikkan kadar cukai sedia ada, tetapi lebih kepada menggalakkan

dan memastikan semua pihak yang terlibat dalam aktiviti ekonomi turut memberikan sumbangan kepada negara melalui sistem percukaian yang adil.

Pelbagai inisiatif telah digerakkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dalam usaha menyokong aspirasi kerajaan untuk memantapkan sistem

percukaian negara, termasuklah usaha mendigitalkan perkhidmatan percukaian supaya lebih mudah diakses dan mesra pengguna. Sebagai contoh, MyTax merupakan portal rasmi HASiL yang membolehkan urusan rasmi seperti proses pendaftaran dan pelaporan cukai dilakukan secara dalam talian melalui e-Daftar dan e-Filing dengan lebih cepat dan telus.

Selain itu, kerajaan berhasrat melaksanakan e-Invois secara berperingkat sebagai usaha untuk meningkatkan kecekapan pengurusan percukaian negara. Langkah ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi digital, sekaligus memastikan sistem percukaian yang lebih telus, cekap dan berintegriti.

Pelaksanaan e-Invois merupakan langkah penting dalam memodenkan sistem percukaian negara. Usaha ini dijangka memberikan impak besar dengan membolehkan transaksi perniagaan direkodkan secara hampir masa nyata dan dihantar terus kepada HASiL, yang meningkatkan ketelusan serta

kecekapan dalam pelaporan cukai. Sistem yang telah dimulakan dengan fasa pertama pada Ogos 2024 ini bukan sahaja dapat membantu mencegah pelarian pelaporan pendapatan, tetapi juga berpotensi meningkatkan kecekapan operasi perniagaan melalui automasi dan pendigitalan aliran kerja.

Kolaborasi Strategik antara Agensi untuk Pemantauan Lebih Berkesan

HASiL turut memperkukuh keupayaan pemantauan melalui penggunaan teknologi data raya dan kerjasama pertukaran maklumat antara agensi. Dengan sokongan daripada agensi seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM),

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), institusi kewangan dan lain-lain, HASiL dapat mengenal pasti entiti atau individu yang berpotensi berada di luar sistem percukaian

rasmi. Melalui pendekatan ini, penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih bersasar dan berkesan dengan berasaskan maklumat yang kukuh, tanpa menjejaskan mereka yang telah patuh cukai.

Membangunkan Kerjasama dan Kesedaran Cukai dalam Masyarakat

Kejayaan membanteras ekonomi bayangan dan memperluas asas cukai bukan hanya bergantung kepada pihak berkuasa semata-mata, bahkan memerlukan kerjasama menyeluruh daripada seluruh masyarakat. Pendidikan dan kesedaran perlu diperkukuh

bagi mengubah persepsi orang ramai terhadap cukai, daripada sesuatu yang membebankan kepada suatu tanggungjawab kolektif. Pembayar cukai harus sedar bahawa sumbangan mereka menjadi asas kepada pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, sekolah, hospital

dan kemudahan awam lain yang dinikmati oleh seluruh lapisan masyarakat. Dalam masa yang sama, ketelusan dalam pengurusan hasil negara juga perlu dipertingkatkan agar keyakinan terhadap sistem percukaian dapat terus terpelihara.

Sebagai kesimpulan, pembinaan asas cukai yang luas dan mampan memerlukan pendekatan yang menyeluruh, bukan sahaja dari aspek penguatkuasaan yang lebih cekap, tetapi juga melalui pemeraksanaan teknologi serta pemantapan budaya pematuhan cukai secara sukarela. Pelaksanaan e-Invois, kerjasama strategik antara agensi dan usaha digitalisasi perkhidmatan cukai adalah antara langkah penting dalam mencapai matlamat ini. Dengan kerjasama yang kukuh antara rakyat dengan kerajaan, ekonomi bayangan akan dapat dibendung secara berkesan ke arah membina sebuah ekosistem percukaian yang adil, telus dan mampan sekali gus meningkatkan hasil negara demi kesejahteraan bersama.





Pendahuluan

Kerajaan Malaysia sentiasa komited dalam memperkukuh tadbir urus kewangan negara dan memastikan sistem percukaian yang lebih adil, telus serta mampan. Seiring dengan komitmen ini, melalui Ucapan Belanjawan 2022, YB Menteri Kewangan telah mengumumkan satu inisiatif penting iaitu langkah kemampanan hasil yang selaras dengan amalan antarabangsa. Antara pendekatan utama ialah memberikan layanan cukai yang saksama kepada semua pihak, tanpa mengira saiz atau jenis entiti. Salah satu langkah ke arah merealisasikan hasrat ini adalah pelaksanaan Sijil Pematuhan Cukai atau *Tax Compliance Certificate* (TCC) sebagai dokumen prasyarat dalam permohonan perolehan kerajaan bermula tahun 2023.

Kepentingan TCC dalam Proses Perolehan Kerajaan

Dengan mewajibkan TCC sebagai dokumen prasyarat untuk menyertai perolehan kerajaan, Kerajaan Malaysia secara tidak langsung telah meletakkan satu mekanisme kawalan ke atas pematuhan cukai oleh syarikat dan pembekal. Ini memberi impak positif yang besar, antaranya:

- Mendisiplinkan syarikat dan pembekal untuk lebih bertanggungjawab terhadap kewajipan cukai mereka.
- Memperluaskan asas percukaian negara apabila lebih banyak syarikat mendaftar dan mengisytiharkan cukai mereka secara sah.
- Menyediakan padang permainan yang sama rata kepada semua pembekal, sekaligus meningkatkan keadilan kepada mereka yang sentiasa mematuhi undang-undang.

Sijil Pematuhan Cukai (TCC):

Langkah Strategik Ke Arah Tadbir Urus Cukai yang Telus dan Adil

Apa Itu Sijil Pematuhan Cukai (TCC)?

Sijil Pematuhan Cukai (TCC) adalah satu dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) kepada pembayar cukai, sama ada individu mahupun entiti perniagaan, sebagai bukti bahawa mereka telah mematuhi sepenuhnya semua tanggungjawab percukaian, termasuk:

- Pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) secara tepat dan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- Pembayaran cukai dalam tempoh yang ditetapkan atau mematuhi jadual pembayaran ansuran yang telah dipersetujui.

TCC merupakan indikator bahawa sesebuah entiti adalah pembayar cukai yang berintegriti dan bertanggungjawab dari segi pematuhan undang-undang percukaian.

Kaedah Semakan TCC

Bagi memastikan ketelusan dan kemudahan akses, HASiL telah menyediakan kemudahan semakan TCC secara dalam talian melalui Portal MyTax.

1. Kategori Individu

Perniagaan milikan tunggal dikategorikan sebagai individu. TCC akan dikeluarkan atas nama pemilik dan semakan boleh terus dibuat melalui Status MyTax pembayar cukai.

2. Kategori Selain Individu

Bagi syarikat, perkongsian liabiliti terhad (PLT), koperasi, pertubuhan dan lain-lain, TCC akan dikeluarkan atas entiti tersebut. Semakan hanya boleh dibuat oleh individu yang berdaftar sebagai Pengarah Syarikat di Portal MyTax.

Sekiranya pembayar cukai belum mempunyai peranan sebagai Pengarah Syarikat, permohonan peranan boleh dibuat di Profil MyTax masing-masing dengan memuat naik dokumen sokongan yang dinyatakan mengikut kategori.

Pengeluaran TCC

Pembayar cukai tidak perlu membuat permohonan secara manual untuk mendapatkan TCC. TCC akan dikeluarkan secara automatik kepada pembayar cukai yang memenuhi syarat pematuhan. Semakan boleh dibuat melalui Portal MyTax.

Untuk menerima status 'Patuh', pembayar cukai perlu memenuhi dua kriteria utama:

1. Pengemukakan BNCP

Pembayar cukai perlu memastikan BNCP dikemukakan setiap tahun mengikut tempoh pengemukakan BNCP yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

2. Bayaran Cukai

Tidak mempunyai sebarang tunggakan cukai, atau jika ada, mematuhi pelan bayaran ansuran yang telah diluluskan oleh pihak HASiL.

Sekiranya pembayar cukai belum mempunyai peranan sebagai Pengarah Syarikat, permohonan peranan boleh dibuat di Profil MyTax masing-masing dengan memuat naik dokumen sokongan yang dinyatakan mengikut kategori.

Tindakan Sekiranya TCC Berstatus 'Tidak Patuh'

Bagi status 'Tidak Patuh' akibat gagal mematuhi kriteria pematuhan cukai di atas, pembayar cukai perlu menyelesaikan isu pematuhan cukai sepertimana yang dipaparkan di TCC:

Kesalahan	Tindakan Pembeduan
Gagal mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP)	Laporkan pendapatan yang diterima melalui e-Filing di Portal MyTax
Mempunyai tunggakan cukai pendapatan	Menyelesaikan tunggakan cukai melalui aplikasi ByrHASiL di Portal MyTax atau memohon aturan pembayaran secara ansuran dengan HASiL.

Selepas tindakan pembeduan dilakukan, pembayar cukai perlu memaklumkan kepada HASiL melalui e-mel tcc@hasil.gov.my beserta dokumen sokongan untuk memastikan kemas kini status TCC dapat dilakukan dengan segera.

Tempoh Sah laku TCC

TCC yang dikeluarkan mempunyai tempoh sah laku mengikut tahun kalendar semasa. Sebagai contoh, TCC yang dikeluarkan untuk tahun 2025 adalah sah sehingga 31 Disember 2025. Pembekal dan kontraktor kerajaan perlu memastikan SPC yang dikemukakan adalah dalam tempoh sah semasa proses penilaian tender atau kontrak.

Penutup

Pelaksanaan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) adalah satu langkah strategik Kerajaan dalam memperkukuh integriti sistem percukaian negara. Ia bukan sahaja memastikan pembekal kerajaan mematuhi tanggungjawab cukai, malah membantu membina budaya pematuhan yang lestari dan menyumbang kepada peningkatan hasil negara. Dalam jangka panjang, pendekatan ini akan mewujudkan sebuah ekosistem perniagaan yang lebih telus, berintegriti dan berdaya saing, sekali gus memberikan keyakinan kepada semua pihak yang terlibat dalam urusan perolehan awam. Justeru, semua pembayar cukai dinasihatkan untuk mengambil langkah proaktif dalam memastikan rekod percukaian mereka sentiasa kemas kini dan mematuhi undang-undang yang ditetapkan.





OP TUNTAS

Operasi Pematuhan (OP) Tuntas telah dilaksanakan dari 5 hingga 8 Mei 2025 di lokasi strategik sekitar Lembah Klang sebagai langkah proaktif menangani ketirisan hasil dan memperkukuh tahap pematuhan cukai.

Operasi ini dikendalikan secara bersepadu oleh lima Cawangan Khas HASiL, iaitu Cawangan Guaman Lembah Klang (CGLK), Cawangan Pembayar Cukai Asing (CPCA), Cawangan Pembayar Cukai Besar (CPCB), Cawangan Industri Khusus (CIK) dan Cawangan Cukai Multinasional (CCM), dengan sokongan seramai 400 pegawai HASiL dan 50 pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Tumpuan utama operasi adalah terhadap pembayar cukai yang dikenal pasti gagal mematuhi kewajipan percukaian, termasuk entiti perniagaan kendalian warga asing dalam sektor perdagangan dan perkhidmatan. Seramai 1,413 pembayar cukai telah disasarkan bagi

penyerahan dokumen tindakan mahkamah serta notis makluman cukai tertunggak. Sebahagian besar entiti ini tidak berdaftar dan dikendalikan oleh warga Bangladesh dan Filipina.

Majlis pelancaran operasi telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif HASiL, YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, yang menegaskan bahawa keadilan sistem percukaian mesti ditegakkan tanpa pengecualian. Menerusi pendekatan berasaskan data dan kerjasama rentas agensi, OP Tuntas mencerminkan komitmen berterusan HASiL dalam memperkukuh budaya pematuhan demi kelestarian hasil negara.



OP KINTA

“ Operasi melibatkan 227 pegawai HASiL dengan tumpuan kepada 676 kes di beberapa kawasan ekonomi utama negeri.

Sebagai sebahagian daripada siri Operasi Pematuhan 2025, HASiL telah melaksanakan OP Kinta di negeri Perak dari 27 hingga 30 Mei 2025. Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkukuh integriti sistem percukaian negara serta menangani ketidakpatuhan cukai secara sistematik dan menyeluruh.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), YBrs. Encik Khairul Halimin Abdul Halim di Menara Hasil Ipoh bersama barisan pengurusan kanan HASiL.

Operasi melibatkan 227 pegawai HASiL dengan tumpuan kepada 676 kes di beberapa kawasan ekonomi utama negeri. Fokus OP Kinta digerakkan melalui



lima sektor berisiko tinggi iaitu pembinaan, hartanah, pembuatan, ekonomi bayangan dan pertanian yang dikenal pasti berpotensi menyumbang kepada ketirisan hasil negara.

Lima aktiviti utama dilaksanakan sepanjang operasi termasuk audit cukai dan majikan, verifikasi pembayar cukai, pematuhan strategik, tindakan penguatkuasaan serta aktiviti pungutan hasil.

Selari dengan transformasi digital percukaian, OP Kinta turut dimanfaatkan untuk memberi penerangan terus kepada pembayar cukai mengenai pelaksanaan e-Invois. Langkah ini bertujuan meningkatkan kesedaran, kefahaman dan kesiapsiagaan ke arah sistem cukai yang lebih telus dan efisien.

OP METRO 3.0



OP Metro 3.0 telah dilaksanakan dari 16 hingga 20 Jun 2025 di sekitar Lembah Klang sebagai kesinambungan kepada OP Metro 2.0 yang berjaya dijalankan pada Februari lalu. Operasi kali ini melibatkan pendekatan yang lebih strategik dan kolaboratif, dengan penglibatan 590 pegawai serta 682 kes yang telah dikenal pasti.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin di Menara Hasil Bangi, bersama barisan pengurusan kanan HASiL

dan SSM. Operasi ini diharap dapat mengukuhkan lagi pelaksanaan dasar percukaian negara secara berstruktur, bersepadu dan berkesan.

Empat aktiviti utama yang diberi fokus merangkumi audit, verifikasi pembayar cukai, pungutan dan pematuhan strategik. Tumpuan turut diberikan kepada sektor berisiko tinggi seperti pembinaan, pembuatan, perkhidmatan, perundangan dan pemborongan. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) turut terlibat dalam operasi ini,

menandakan penyertaan kali kedua agensi tersebut selepas OP Rejang di Sarawak.

Pelaksanaan OPMetro 3.0 digerakkan berasaskan tiga prinsip utama iaitu ketegasan terhadap pembayar cukai yang gagal mematuhi undang-undang secara sengaja, toleransi dan bimbingan kepada yang tersilap tanpa niat serta penghargaan kepada mereka yang sentiasa patuh. Pendekatan ini menyokong usaha membudayakan pematuhan cukai sebagai tanggungjawab bersama, bukan beban.





OP WAU

Zon Pantai Timur menjadi tumpuan bagi pelaksanaan siri kesembilan Operasi Pematuhan Cukai, OP Wau, yang digerakkan secara serentak di Kelantan, Terengganu dan Pahang dari 23 hingga 26 Jun 2025. Pendekatan merentas tiga negeri ini memperkukuh usaha meningkatkan tahap pematuhan cukai di peringkat wilayah, selaras dengan matlamat memperluas jaringan penguatkuasaan secara lebih bersasar dan menyeluruh.

Melibatkan seramai 394 pegawai dari ketiga-tiga negeri, operasi ini menyasarkan 1,443 kes berisiko dengan pendekatan yang disesuaikan mengikut konteks perniagaan tempatan. Antara sektor diberi tumpuan termasuk pertanian, pembinaan, bengkel, tekstil, klinik, peruncitan, barang kemas dan stesen minyak.

OP Wau turut menekankan peranan negeri dalam menyokong keberkesanan strategi pematuhan nasional. Seperti dinyatakan oleh YBhg. Datuk Mukti Mohd Hassan, Pengarah Bahagian Pengoperasian Audit Cukai, Sektor Pematuhan Cukai semasa majlis pelancaran di Menara HASiL Kelantan, penguatkuasaan perlu digerakkan secara kolektif dan responsif mengikut keperluan setempat.

Dengan pelaksanaan aktiviti audit, pungutan, verifikasi, pematuhan strategik dan guaman, OP Wau mencerminkan kesungguhan mendekati pembayar cukai secara berhemah. Ia bukan hanya tindakan penguatkuasaan, tetapi juga ruang membimbing, memperbetul dan membina keyakinan terhadap sistem percukaian yang adil, telus dan inklusif.





OP TANJONG



Operasi Pematuhan Cukai siri ke-10 yang dinamakan sebagai OP Tanjong, telah dilaksanakan di seluruh negeri Pulau Pinang termasuk Seberang Perai sebagai kesinambungan usaha memperkukuh integriti sistem percukaian di peringkat akar umbi.

pembayar cukai sebagai langkah mendidik dan meningkatkan kesedaran terhadap peranan serta tanggungjawab cukai. Usaha ini dilihat mampu menyemai budaya pematuhan yang lestari dalam kalangan masyarakat perniagaan tempatan.

Secara keseluruhan, OP Tanjong mencerminkan komitmen terhadap strategi pematuhan yang menyeluruh dan responsif, selaras dengan matlamat membina ekosistem percukaian yang adil, telus dan mampan.

Sebanyak 845 kes telah dikenal pasti untuk tindakan pemeriksaan dan penguatkuasaan, melibatkan 238 pegawai dari seluruh negeri. Tumpuan operasi kali ini diberikan kepada sektor-sektor strategik yang menjadi pemacu utama ekonomi negeri seperti pembuatan, elektronik dan elektrik, teknologi digital, logistik, pembinaan dan kejuruteraan.

Di samping pelaksanaan aspek penguatkuasaan, pendekatan OP Tanjong turut merangkumi komunikasi secara terus dengan



OP TUAH

OP Tuah telah dilaksanakan secara serentak pada 21 hingga 25 Julai di empat negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Kedah dan Perlis, sebagai sebahagian daripada strategi berterusan memperkukuh kecekapan kutipan hasil negara.

Operasi ini menyasarkan 1,829 kes melibatkan pelbagai sektor ekonomi seperti pembinaan, kejuruteraan, hartanah, pertanian, pengiklanan, perubatan, e-waste, rokok elektronik (vape) dan badan profesional, dengan penglibatan seramai 346 pegawai HASiL.

Pelaksanaan OP Tuah menggabungkan tindakan penguatkuasaan dengan elemen pendidikan menerusi Mini Jelajah e-Invois, yang memberi peluang kepada pembayar cukai untuk

memahami pelaksanaan e-Invois secara langsung, seterusnya meningkatkan tahap kefahaman dan kesiapsiagaan terhadap sistem percukaian digital negara.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hisham Rusli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan),

bersama barisan pengurusan tertinggi HASiL di Menara HASiL Melaka.

OP Tuah mencerminkan komitmen ke arah strategi pematuhan progresif dan pembinaan ekosistem percukaian yang adil, telus dan mampan.





OP TITAN

Menangani Perancangan Cukai Agresif Demi Keadilan Sistem Percukaian

Bagi memastikan sistem percukaian negara kekal adil, telus dan berintegriti, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) telah melancarkan OP Titan bermula 11 hingga 22 Ogos 2025. Operasi ini merupakan inisiatif penguatkuasaan dan pencegahan bagi menangani ketidakpatuhan cukai, seterusnya memelihara hasil negara.

Melibatkan 313 pegawai dan menyasarkan 103 syarikat merentasi pelbagai industri, OP Titan memberi tumpuan kepada audit pematuhan terhadap syarikat besar dan multinasional yang mempunyai risiko perancangan cukai agresif, pematuhan tuntutan insentif dan transaksi antara kumpulan syarikat berkaitan. Langkah ini bertujuan mengesan dan membetulkan salah tafsir atau manipulasi undang-undang yang boleh menjejaskan asas keadilan percukaian.

Pelancaran OP Titan disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif HASiL, YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, bersama barisan pengurusan kanan. Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa semua petugas perlu berpegang kepada tatacara, prosedur dan peraturan yang ditetapkan bagi memastikan proses audit dilaksanakan secara profesional dan saksama.

Beliau turut menekankan bahawa keyakinan awam akan meningkat dengan adanya interaksi yang baik antara HASiL dan pembayar cukai. Hubungan berasaskan kepercayaan ini bukan sahaja memudahkan pelaksanaan audit, malah menggalakkan pematuhan sukarela pembayar cukai.

Pendekatan strategik OP Titan ini diharap dapat memperkukuh integriti dan keadilan sistem percukaian negara, sekali gus memastikan pematuhan cukai yang berterusan demi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.



e-Invois :

Pemangkin Pendigitalan dan Pemodenan PMKS di Malaysia

Dalam mendepani cabaran ekonomi dan kemajuan teknologi, pendigitalan menjadi keperluan utama untuk memastikan perniagaan kekal relevan dan berdaya saing. Sebagai langkah memodenkan sistem percukaian negara, kerajaan telah memperkenalkan sistem e-Invois melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL), seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2023.

e-Invois menggantikan invois kertas dan elektronik tradisional dengan sistem digital yang seragam dan masa nyata, membolehkan penghantaran terus kepada HASiL. Langkah ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan cukai, tetapi juga memperkukuh daya tahan dan kemampuan perniagaan, khususnya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di Malaysia.

Peranan e-Invois dalam Memodenkan PMKS

Sektor PMKS menyumbang kira-kira 39% kepada KDNK dan menjadi pemacu utama ekonomi negara. Namun, banyak pengusaha masih menggunakan kaedah manual dalam pengurusan kewangan, menyebabkan kelemahan dalam pematuhan cukai. Pendigitalan bukan sahaja meningkatkan sistem percukaian, tetapi juga memperkukuh tadbir urus kewangan PMKS.

Antara manfaat utama e-Invois kepada PMKS termasuk:



Menyediakan rekod kewangan yang tersusun



Memudahkan analisis jualan dan pengurusan tunai



Meningkatkan ketepatan pelaporan kewangan



Mengurangkan kerja manual



Memudahkan pelaporan cukai melalui sistem yang bersepadu dan automatik

Garis Masa Pelaksanaan Terkini e-Invois

Bagi memastikan peralihan ke arah sistem e-Invois dapat dilaksanakan dengan **teratur dan inklusif**, kerajaan telah memperkenalkan garis masa pelaksanaan baharu yang diumumkan secara rasmi pada **5 Jun 2025**, dengan pendekatan berperingkat berdasarkan **jumlah pendapatan atau jualan tahunan** perniagaan.

Berikut ialah jadual **pelaksanaan terkini e-Invois** mengikut kategori pendapatan atau jualan tahunan:

Kategori Pendapatan/Jualan Tahunan	Tarikh Pelaksanaan
Melebihi RM100 juta	1 Ogos 2024
Melebihi RM25 juta hingga RM100 juta	1 Januari 2025
Melebihi RM5 juta hingga RM25 juta	1 Julai 2025
Melebihi RM1 juta hingga RM5 juta	1 Januari 2026
Sehingga RM1 juta	1 Julai 2026

Selaras dengan pendekatan progresif, kerajaan mengecualikan pembayar cukai yang berpendapatan atau mempunyai jualan tahunan di bawah RM500,000 daripada kewajipan melaksanakan e-Invois. Namun, mereka digalakkan menggunakannya secara sukarela memandangkan e-Invois menawarkan banyak manfaat, termasuk peningkatan kecekapan, ketelusan dan tadbir urus kewangan perniagaan.

Mekanisme Penyalpaian e-Invois kepada HASiL

HASiL menyediakan dua kaedah utama untuk penghantaran e-Invois:

Portal MyInvois	Integrasi API (Application Programming Interface)
• Disediakan secara percuma oleh HASiL. • Sesuai untuk PMKS tanpa sistem perakaunan. • Membolehkan pengguna mengeluarkan, membatalkan dan menyemak e-Invois dengan mudah.	• Membolehkan sistem perniagaan dihubungkan terus ke sistem HASiL. • Sesuai untuk syarikat yang mempunyai sistem dalaman. • Memerlukan pelaburan dari segi teknologi dan pembangunan sistem.

Selain itu, HASiL turut menyediakan Aplikasi mudah alih MyInvois untuk pengurusan invois secara fleksibel dan MyInvois e-POS (percuma) untuk membantu perniagaan kecil mengurus jualan dan invois dengan lebih mudah.

Insentif dan Kelonggaran Pelaksanaan e-Invois



Implikasi Strategik e-Invois kepada Masa Depan PMKS

Pelaksanaan e-Invois bukan sekadar memenuhi keperluan cukai, tetapi menjadi asas transformasi pengurusan kewangan PMKS secara menyeluruh. Ia membantu mengurangkan ekonomi bayangan yang menjejaskan hasil negara dan memperkukuh fiskal jangka panjang.

PMKS yang mengadaptasi sistem ini akan lebih bersedia menghadapi cabaran era digital, seperti pelaporan kewangan ketat, pengawalseliaan rentas sempadan, dan persaingan global yang memerlukan kecekapan operasi tinggi.

Kesimpulan

Pelaksanaan e-Invois adalah transformasi penting dalam memodenkan sistem percukaian dan meningkatkan daya saing PMKS. Dengan infrastruktur digital, insentif kewangan, dan kelonggaran yang disediakan, PMKS harus memanfaatkan peluang ini untuk menyesuaikan perniagaan dengan ekonomi digital masa depan. e-Invois bukan hanya soal pematuhan undang-undang, tetapi juga langkah strategik untuk membina ketahanan dan kelangsungan perniagaan dalam ekosistem yang lebih telus dan berasaskan data.

Pelancaran e-Invois Fasa Ketiga: **Sokongan Berterusan ke Arah Pemodenan Percukaian**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) meneruskan langkah strategik memperkukuh sistem percukaian digital negara dengan penganjuran Majlis Pelancaran Pelaksanaan e-Invois Fasa Ketiga pada 1 Julai 2025, melibatkan lebih 50,000 pembayar cukai berpendapatan atau jualan tahunan antara RM5 juta hingga RM25 juta.

Majlis pelancaran yang diadakan di Menara HASiL, Cyberjaya telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian), YBrs. Encik Shaharrudy Othman, bersama barisan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan kanan HASiL.

Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa tempoh kelonggaran untuk pembayar cukai Fasa Kedua telah berakhir pada 30 Jun 2025 dan mulai 1 Julai 2025, pelaksanaan e-Invois adalah sepenuhnya mengikut garis panduan yang ditetapkan.



AN
UDY BIN OTHM
AWAI EKSEKUTIF
(UKAIAN)
ASA)
WAN
RJAYA
Team
#HASIL



Beliau turut mengumumkan peluasan kelayakan penggunaan Sistem MyInvois e-POS secara percuma, daripada ambang jualan tahunan di bawah RM250,000 kepada RM750,000. Sistem ini direka khusus untuk PMKS dengan integrasi fungsi utama perniagaan termasuk perekodan jualan, pengurusan inventori, pelaporan kewangan dan sokongan e-Invois yang memudahkan pelaksanaan awal sebelum tarikh mandatori bagi Fasa Kelima pada 1 Julai 2026.

Bagi membantu pembayar cukai melaksanakan e-Invois dengan lancar, HASiL menyediakan pelbagai saluran bimbingan, antaranya:

- **Kaunter Perkhidmatan HASiL di seluruh negara**
- **Talian bantuan 24 jam: 03-8682 8000**
- **MyInvois Live Chat**
- **E-mel: myinvois@hasil.gov.my**
- **Maklum balas dalam talian: feedback.myinvois.hasil.gov.my**



Pelaksanaan Fasa Ketiga ini diharap dapat memberi manfaat jangka panjang kepada komuniti perniagaan, mempertingkatkan kecekapan operasi serta menyokong pembangunan ekosistem percukaian digital yang lebih tersusun dan berkesan.



Publisiti *e-Invois* Peringkat Negeri



Ibu Pejabat Cyberjaya



Kedah



Johor




Kelantan



Melaka



Perlis



Negeri Sembilan



Selangor



Pahang



Terengganu



Perak



WP Kuala Lumpur

Sekalung Tahniah & Syabas

Kepada seluruh pasukan HASiL yang terlibat atas kejayaan cemerlang dalam memenangi landmark case Ketua Pengarah HASiL Dalam Negeri lawan Tenaga Nasional Berhad di Mahkamah Persekutuan, pada 2 Julai 2025

“CEMERLANG DI MAHKAMAH PERSEKUTUAN, CERMINAN KEABSAHAN TINDAKAN HASiL”



Tahniah

ATAS PENGURNIAAN
DARJAH KEBESARAN

PANGLIMA GEMILANG DARJAH KINABALU
(P.G.D.K.)

SEMPENA

ULANG TAHUN KELAHIRAN RASMI KE-74
TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH

PADA
21 JUN 2025

YBHG. DATUK MATHAN A/L KALIAPPAN
PENGARAH CAWANGAN PEMATUHAN STRATEGIK
LEMBAGA HASiL DALAM NEGERI MALAYSIA



**YBHG. DATUK AHMAD KHAIRUDDIN
BIN ABDULLAH**
TIMBALAN KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF(CAWANGAN KHAS)
LEMBAGA HASiL DALAM NEGERI MALAYSIA



DARJAH PANGKUAN SERI MELAKA
(D.P.S.M)

SEMPENA

ULANG TAHUN KELAHIRAN KE-76 TUAN YANG TERUTAMA TUN SERI SETIA
DR. HAJI MOHD ALI MOHD RUSTAM YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA

PADA
24 OGOS 2025

YBHG. DATUK MOHD SHAHRIZ BIN RAMLI
PENGARAH NEGERI HASiL MELAKA
LEMBAGA HASiL DALAM NEGERI MALAYSIA



SENATOR DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
MINISTER OF FINANCE II



Persidangan Percukaian Kebangsaan 2025

(National Tax Conference)

Persidangan Percukaian Kebangsaan (National Tax Conference) 2025 kembali dengan edisi ke-25 pada 5 dan 6 Ogos 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, menghimpunkan hampir 1,800 peserta secara fizikal dan dalam talian. Dianjurkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) bersama Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM), acara tahunan ini menjadi medan pertemuan pengamal percukaian, ahli profesional serta akademik untuk membincangkan hala tuju pengurusan hasil negara dan memperkukuh amalan pematuhan. Sejak diperkenalkan, NTC telah mencatatkan lebih 36,000 penyertaan keseluruhan.

Bertemakan “Fostering Tax Compliance, Building Economic Resilience”, persidangan ini seiring dengan agenda pembangunan negara di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13). Dalam ucapan perasmiannya, YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II, menegaskan bahawa kutipan hasil kekal menjadi tunjang utama pembangunan negara. Ia bukan sekadar bertujuan memenuhi sasaran fiskal, malah menjadi pemangkin pelaburan dalam infrastruktur, pendidikan, kesihatan dan perlindungan sosial demi kesejahteraan rakyat.



Ketua Pegawai Eksekutif HASIL, YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, pula menekankan peranan NTC sebagai platform strategik untuk membina ekosistem percukaian yang telus, adil dan mampan. Antara inisiatif yang diketengahkan termasuk peluasan pelaksanaan e-Invois, Sistem Taksir Sendiri (STS) bagi Cukai Keuntungan Harta Tanah dan Duti Setem, serta pengenalan Cukai Minimum Global (GMT) yang akan memacu ke arah sistem percukaian yang lebih efektif dan seimbang.

NTC 2025 bukan sahaja meningkatkan literasi percukaian, malah membuka ruang dialog konstruktif antara pelbagai pihak berkepentingan. Melalui kerjasama berterusan, persidangan ini diharap dapat memperkukuh pematuhan beretika, menyokong ketahanan ekonomi dan membentuk landskap percukaian negara yang progresif serta inklusif.



Sekatan Perjalanan

Siapa yang tersenarai?

Sekatan perjalanan dikenakan kepada pembayar cukai individu atau pengarah syarikat yang:

- ✓ Mempunyai tunggakan cukai yang belum dibayar bagi:
 - Cukai Pendapatan
 - Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT)
 - Cukai Syarikat (bagi Pengarah Syarikat)
- ✓ Pengarah syarikat yang **memegang tidak kurang 20% saham** dalam **syarikat yang mempunyai cukai tertunggak**.
- ✓ Warganegara & bukan warganegara juga boleh dikenakan sekatan.

Apa Anda Perlu Tahu Mengenai Sekatan Perjalanan oleh HASiL

- ✓ Sekatan bukan serta-merta - **makluman awal** oleh HASiL **melalui surat, e-mel dan panggilan peringatan**.
- ✓ HASiL sediakan **portal MyTax** untuk **semak status tunggakan cukai**.
- ✓ Elak penipuan - bayaran tunggakan cukai **hanya melalui ByrHASiL di portal MyTax**, bukan ke akaun mana-mana individu.
- ✓ **Sekatan perjalanan dikenakan jika gagal bayar tunggakan cukai**. Notis sekatan dihantar melalui surat berdaftar dan e-mel.
- ✓ **Semak status sekatan** di Portal MyTax atau laman web Imigresen.

Layari: mytax.hasil.gov.my



HASiL

Nak Lepas Sekatan Perjalanan? Ikuti Langkah Ini!

- i Bayar tunggakan cukai secara penuh melalui ByrHASiL
- ii Hantar bukti bayaran kepada pegawai bertugas
- iii HASiL akan proses pembatalan sekatan
- iv Tempoh proses ambil masa - **rancang lebih awal!**

Tak Mampu Bayar Sekali Gus?

- ✓ Hubungi pejabat HASiL untuk rundingan penyelesaian terbaik
- ✓ **Mohon pelepasan sementara** melalui surat permohonan rasmi
- ✓ **Buat bayaran pendahuluan** dengan amaun yang diluluskan dan dalam masa yang sama, **mohon bayaran baki cukai secara ansuran**
- ✓ Pastikan permohonan **disertakan dokumen sokongan perjalanan**

KENA AUDIT?

Tenang dan fahami proses dan kepentingannya

1

Apakah maksud audit dan kenapa seseorang dipilih untuk diaudit?

Audit cukai ialah semakan HASiL untuk pastikan maklumat dalam borang cukai adalah tepat dan mematuhi undang-undang percukaian. Ia tidak semestinya bermakna pembayar cukai bersalah.

2

Apakah tujuan audit dilaksanakan?

Untuk memastikan maklumat yang dilapor adalah betul, lengkap dan mematuhi peraturan cukai serta memastikan tahap pematuan pembayar cukai terhadap semua peraturan dan garis panduan percukaian.

3

Apakah objektif audit oleh HASiL?

Mengesahkan angka dan tuntutan dalam borang cukai, mengesan ketidakpatuhan seperti pendapatan kurang dilapor atau potongan tidak sah, serta meningkatkan keyakinan terhadap sistem percukaian melalui audit yang telus dan adil.

4

Apakah yang menyebabkan pembayar cukai boleh dikenakan tindakan audit?

Antaranya sebab tindakan audit:

1. Pendapatan kurang dilapor
2. Tuntutan pelepasan/potongan tidak sah
3. Gagal hantar borang cukai dalam tempoh ditetapkan
4. Mempamerkan gaya hidup mewah yang tidak setimpal dengan pelaporan pendapatan

5

Apakah yang perlu dilakukan sekiranya menerima notis audit?

Baca dan fahami notis (tahun taksiran, isu, dokumen diminta, tarikh maklum balas). Hubungi atau hadir ke Pejabat HASiL dengan dokumen lengkap dan berikan kerjasama penuh.

6

Apakah hak-hak pembayar cukai semasa audit dijalankan?

1. Dimaklumkan secara rasmi
2. Diberikan masa yang munasabah
3. Membuat rayuan
4. Kerahsiaan maklumat terjamin

7

Apakah yang akan terjadi sekiranya pembayar cukai tidak memberikan maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan?

HASiL boleh mengeluarkan Notis Taksiran Tambahan yang perlu dibayar segera bagi elakkan sekatan perjalanan atau tindakan undang-undang.

8

Berapa lama proses audit akan berlangsung?

Bergantung kepada jenis audit dan tahap kerumitan kes.

9

Perluakah pembayar cukai mendapatkan bantuan ejen cukai semasa diaudit?

Tidak wajib. Sesuai untuk kes perniagaan besar atau kewangan rumit, tetapi individu atau perniagaan kecil mungkin boleh urus sendiri.

TANGGUNGJAWAB MAJIKAN DALAM PERCUKAIAN PEKERJA

1

Apakah tanggungjawab majikan berkaitan cukai pekerja?

Majikan membantu urusan cukai pekerja melalui pemotongan PCB daripada gaji.

2

Apakah tanggungjawab majikan untuk memudahkan pekerja melaporkan pendapatan?

Majikan bertanggungjawab untuk menghantar Borang E kepada HASiL

3

Apa itu Borang E?

Penyata majikan yang perlu dihantar selewatnya-lewatnya 31 Mac setiap tahun dan mengandungi maklumat:

1. Bilangan pekerja
2. Penyata saraan
3. Potongan cukai di bawah Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994 yang tidak setimpal dengan pelaporan pendapatan

4

Bagaimanakah cara menghantar Borang E?

1. Daftar majikan di HASiL menerusi e-Daftar di <https://mytax.hasil.gov.my> untuk mendapatkan Nombor E.
2. Dapatkan Sijil Digital Individu atau Organisasi atau ID Ejen Cukai (TAeF)
3. Hantar e-E menggunakan Sijil Digital atau ID Ejen Cukai (TAeF)

5

Selain Borang E, apakah dokumen lain yang perlu dihantar?

Borang E hanya akan dianggap lengkap sekiranya C.P.8D dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan. Majikan yang telah menghantar maklumat melalui e-Data Prais tidak perlu mengisi dan menghantar C.P.8D.

6

Adakah pekerja kontrak dan sambilan diambil kira sebagai bilangan pekerja untuk dilaporkan dalam Borang E?

Ya. Maklumat bilangan pekerja yang majikan perlu lapor adalah termasuk:

1. Bilangan pekerja
2. Bilangan pekerja baharu
3. Bilangan pekerja yang berhenti kerja untuk meninggalkan Malaysia
4. Bilangan pekerja yang tertakluk kepada PCB
5. Bilangan pekerja yang berhenti kerja

7

Adakah syarikat baharu yang mempunyai pekerja berpendapatan bawah RM1,000 sebulan perlu mendaftar Borang E?

Ya, semua majikan perlu daftar fail majikan tanpa mengira bilangan pekerja atau jumlah gaji.

8

Selain pengemukaan Borang E dan C.P.8D, apakah tanggungjawab lain yang perlu dilakukan oleh majikan?

Majikan perlu:

1. Serah penyata EA (swasta) / EC (kerajaan) kepada pekerja sebelum atau pada akhir Februari setiap tahun.
2. Kemas kini butiran dan alamat pekerja dalam sistem gaji
3. Simpan rekod selama 7 tahun
4. Potong PCB setiap bulan dan remit sebelum 15hb bulan berikutnya.
5. Maklumkan pengambilan pekerja baharu (CP22) jika berkenaan
6. Maklumkan pemberhentian, persaraan atau kematian pekerja (CP22A/CP22B) jika berkenaan
7. Maklumkan pekerja yang meninggalkan Malaysia lebih 3 bulan (CP21) jika berkenaan

9

Apakah saraan pekerja yang tertakluk kepada PCB?

a) Saraan

1. Gaji;
2. Upah;
3. Bayaran kerja lebih masa;
4. Komisen;
5. Tip;
6. Elaun;
7. Bonus atau insentif;
8. Yuran pengarah;
9. Perkuisit;
10. Skim Opsyen Saham Pekerja (SOSP);
11. Cukai yang ditanggung oleh majikan;
12. Ganjaran;
13. Pampasan kerana kehilangan pekerjaan; atau
14. Lain-lain saraan berhubung dengan penggajian.

b) Manfaat Berupa Barangan (MBB)

c) Nilai Tempat Kediaman (NTK)

HASiL Prihatin: Menyusur Lebih 130KM Demi Komuniti Pedalaman

Di sebalik laluan tanah merah yang mencabar, Pos Balar menyambut sebuah langkah kecil tetapi penuh makna dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL). Inisiatif rintis Kampung Angkat MADANI dan Sekolah Angkat MADANI ini memberi tumpuan kepada komuniti Orang Asli dan murid pedalaman dengan kerjasama SK Balar.

Terletak 138km dari Gua Musang, perjalanan ke Pos Balar memerlukan laluan tanah merah yang mencabar, dibantu oleh Persatuan Pacuan 4 Roda Lipan BARA Kelantan. SK Balar merupakan pusat pendidikan tunggal di kawasan ini.

Sumbangan disalurkan kepada 306 murid, 29 guru dan kakitangan meliputi peralatan pembelajaran, keperluan ibadah, peralatan dan cat untuk naik taraf Pusat Sumber & Bilik Pemulihan serta 130 bakul makanan untuk keluarga setempat.

Majlis perasmian dan penyampaian sumbangan pada 11 Mei 2025 disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) merangkap Komandan KPPU HASiL, Encik Khairul Halimin Abdul Halim, dengan kehadiran wakil Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Tok Batin Pos Balar serta pegawai HASiL, guru, ibu bapa dan murid SK Balar.



Program ini turut mengadakan libat urus bersama warga sekolah, kaunter semakan STR dan nasihat percukaian, sukaneka, pertandingan bakat, gotong-royong mengecat, serta memperbaiki jambatan kampung. Pelaksanaan ini mencerminkan usaha berterusan HASiL memperkukuh keterangkuman sosial, menyantuni komuniti pedalaman, dan memupuk semangat kerjasama demi kesejahteraan rakyat.



Menjejak Komuniti, Menyulam Empati:

Sabak Bernam jadi saksi keprihatinan warga HASiL

HASiL membuktikan bahawa peranan sebagai pemungut hasil negara tidak menjadi penghalang untuk turut menjadi pemudah cara dalam membawa manfaat kepada masyarakat. 24 Julai lalu, Kampung Batu 2, Sepintas di Sabak Bernam menjadi lokasi bagi program CSR Santuni MADANI: Satu Pemimpin Satu Kampung, inisiatif yang menjangkau lebih daripada sekadar simbolik tanggungjawab sosial.

Kesinambungan daripada program di SK Doktor Abdul Latiff tahun lalu, edisi kali ini menekankan keterlibatan langsung ketua agensi untuk memahami cabaran sebenar penduduk luar bandar dan mengenal pasti peluang penambahbaikan kesejahteraan sosial.

Antara inisiatif yang dilaksanakan:

1. Pembaikan dan naik taraf Surau Firdausiah
2. Agihan bakul makanan kepada enam keluarga di Projek Perumahan Rumah Zakat
3. Sumbangan tunai kepada penerima asnaf terpilih

Program ini membuka ruang interaksi dua hala antara warga HASiL dan komuniti, memperkukuh kepercayaan serta kefahaman terhadap peranan institusi percukaian. Ia bukan sekadar CSR, tetapi wadah membina hubungan, menyemai empati dan memahami dimensi kemasyarakatan yang jarang dilihat dari sebalik meja pejabat.



Dalam jangka panjang, pendekatan turun padang ini dapat memperkukuh reputasi HASiL sebagai institusi prihatin dan progresif, selaras dengan agenda pembangunan negara yang inklusif dengan memastikan tiada yang terpinggir. Kerana akhirnya, membina negara bukan kerja satu pihak. Ia bermula dengan rasa peduli.

SK Gusai:

Terpencil Bukan Terpinggir

Dalam semangat menyantuni masyarakat di seluruh negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) meneruskan langkah proaktif melalui Program CSR Team HASiL Prihatin Peringkat Negeri Pahang pada 8 Ogos dengan sokongan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang. Lokasi pilihan kali ini ialah Sekolah Kebangsaan Gusai (SK Gusai) di Hulu Tembeling, Jerantut, sebuah kawasan pedalaman yang kaya dengan semangat komuniti.

Program yang bertemakan “Sukan dan Keceriaan” ini menyalurkan sumbangan tunai untuk menaik taraf beberapa fasiliti sekolah, termasuk Bilik Digital, di samping membantu penduduk setempat.



Antara aktiviti yang diadakan termasuk gotong-royong membersihkan kawasan sekolah, sesi mesra bersama murid dalam Program Sahabat HASiL, pembukaan kaunter Sumbangan Tunai Rahmah (STR), aktiviti sukan serta program rewang bagi majlis “Kenduri Sekampung Gusai”. Jalur Gemilang turut dikibarkan bersama komuniti setempat, menyemarakkan semangat patriotisme menjelang sambutan Hari Kebangsaan ke-68.

Majlis perasmian disempurnakan oleh YBrs. Encik Khairul Halimin bin Abdul Halim, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) HASiL, yang turut disertai YBrs. Encik Shaharrudy bin Othman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian), YBrs. Encik Amilin bin Mahir, Pengarah Negeri

HASiL Pahang, Encik Mohd Hanif bin Md Desa, Pemangku Guru Besar SK Gusai serta barisan pengurusan kanan HASiL.

Dalam ucapannya, Encik Khairul Halimin menegaskan komitmen HASiL untuk terus hadir di tengah-tengah komuniti, termasuk di kawasan pedalaman, agar tiada pihak tercicir daripada arus pembangunan negara.


Program ini menjadi bukti bahawa walaupun SK Gusai berada jauh di pedalaman, ia tidak terpinggir daripada perhatian. HASiL akan terus mengukuhkan pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat demi membina masyarakat prihatin, inklusif, dan sejahtera selaras aspirasi negara MADANI.



Profil Pembayar Cukai: Sekilas Perkongsian



JUMLAH AMAUN PELEPASAN (RM) BERDASARKAN UMUR BAGI TT2023



36 - 60 tahun

Kumpulan umur paling tinggi memanfaatkan tuntutan perbelanjaan insurans perubatan dan pendidikan. Petunjuk bahawa sistem percukaian negara yang menyokong mengurangkan beban kewangan rakyat Malaysia yang masih bekerja.

BILANGAN TUNTUTAN PELEPASAN BERDASARKAN JANTINA BAGI TT2023



1,132,536 (55.08%)
daripada 2,056,047 PC Wanita

Wanita



1,188,833 (47.11%)
daripada 2,523,742 PC Lelaki


Lelaki



55.08% vs 47.11%

Wanita lebih cenderung menuntut pelepasan. Ini memberi indikator bahawa wanita memainkan peranan utama dalam perancangan kewangan keluarga, khususnya berkaitan kesihatan dan pendidikan.

Trend Tuntutan & Bilangan Pelepasan Bagi Tempoh TT2013 - TT2023



Tuntutan pelepasan menunjukkan trend yang meningkat bagi tempoh 10 tahun. Ini menunjukkan kesedaran pembayar cukai semakin meningkat tentang kepentingan untuk melanggan insurans pendidikan dan perubatan.



Analisis membuktikan tingkah laku tuntutan pelepasan dan pendapatan bergerak secara **positif (direct relationship)** iaitu **semakin tinggi pendapatan, semakin tinggi tuntutan oleh pembayar cukai.**

Dapatan ini menunjukkan peningkatan pendapatan meningkatkan kemampuan perbelanjaan (peningkatan pendapatan boleh guna) bagi memaksimumkan tuntutan pelepasan cukai dan seterusnya mengurangkan lagi cukai kena dibayar.

Kesimpulannya, Malaysia bergerak ke arah masyarakat yang lebih berdikari dari segi kewangan, ini dapat membantu kelestarian fiskal negara ke arah pengurangan kebergantungan kepada dana awam untuk kesihatan dan pendidikan.



Bahagian Analisis Data dan Maklumat, Jabatan Penyelidikan dan Strategik

Kempen Kesedaran Cukai HASiL

Lembah Klang 93.9FM | Johor Bahru 107.9FM | Kuching 100.9FM | Kota Kinabalu 107.9FM

POV
BERSAMA

**PERSPEKTIF BUKAN PERSEPSI
DI RADIO BERNAMA**
3 JUN 2025 | SELASA | 5.15 PETANG

**LARI BAYAR
CUKAI,
BAGAIMANA
HASIL JEJAK?**

**MUHAMMAD AZHARI
BIN TAMRIN @ THAMRIN**
PENGARAH
JABATAN PERISIKAN DAN PROFILING
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

www.hasil.gov.my | 603-8951 3000 | facebook.com/HASILMalaysia | @hasil_malaysia | @hasil_malaysia | @hasil_malaysia

Lembah Klang (91.5 FM) | Perlis / Kedah / Langkawi (89.0 FM) | Balik Pulau / P. Pinang (102.7 FM) | Ipoh (102.7 FM) | N. Sembilan (102.7 FM) | Melaka (89.5 FM) | J. Bahru (106.2 FM) | Kaantan (89.6 FM) | K. Terengganu (100.2 FM) | K. Bharu (91.8 FM) | Kuching (93.7 FM) | K. Kinabalu (93.9 FM) | Lahad Dato (107.3 FM) | Tawau (100.7 FM) | Miri (104.0 FM)

IKIM fm

**INSPIRASI PAGI
DI RADIO IKIM FM**
10 JUN 2025 | SELASA | 8.30 PAGI

**SEKATAN
PERJALANAN:
NAMA ANDA
TERSENARAI?**

AZMIN BIN OMAR
PENGARAH BAHAGIAN
JABATAN PUNGUTAN HASIL
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

www.hasil.gov.my | 603-8951 3000 | facebook.com/HASILMalaysia | @hasil_malaysia | @hasil_malaysia | @hasil_malaysia

Lembah Klang (91.5 FM) | Perlis / Kedah / Langkawi (89.0 FM) | Balik Pulau / P. Pinang (102.7 FM) | Ipoh (102.7 FM) | N. Sembilan (102.7 FM) | Melaka (89.5 FM) | J. Bahru (106.2 FM) | Kaantan (89.6 FM) | K. Terengganu (100.2 FM) | K. Bharu (91.8 FM) | Kuching (93.7 FM) | K. Kinabalu (93.9 FM) | Lahad Dato (107.3 FM) | Tawau (100.7 FM) | Miri (104.0 FM)

IKIM fm

**INSPIRASI PAGI
DI RADIO IKIM FM**
12 OGOS 2025 | SELASA | 8.30 PAGI

**DUTI SETEM:
WAJIB BAYAR
ATAU BOLEH
ELAK?**

NOR HABIBAH BINTI HAMIDON
PENGARAH
BAHAGIAN DASAR, OPERASI DAN PEMBANGUNAN SISTEM
JABATAN OPERASI, SETEM DAN CKHT
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

HASIL LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

www.hasil.gov.my | 603-8951 3000 | facebook.com/HASILMalaysia | @hasil_malaysia | @hasil_malaysia | @hasil_malaysia

Lembah Klang 93.9FM | Johor Bahru 107.9FM | Kuching 100.9FM | Kota Kinabalu 107.9FM

BERNAMA

**KLINIK CUKAI
HASiL
DI BERNAMA RADIO**
10 JUN 2025
SELASA | 8.30 PAGI

**MENINGKATKAN INTEGRITI
PERNIAGAAN MELALUI
TAX CORPORATE
GOVERNANCE**

NAJLAH BINTI ISHAK
PENGARAH UNIT
BAHAGIAN DASAR DAN KUALITI AUDIT CUKAI
SEKTOR PEMATIHAN CUKAI
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

www.hasil.gov.my | 603-8951 3000 | facebook.com/HASILMalaysia | @hasil_malaysia | @hasil_malaysia | @hasil_malaysia

Lembah Klang 93.9FM | Johor Bahru 107.5FM | Kuching 100.9FM | Kota Kinabalu 107.9FM

KLINIK CUKAI HASiL
DI BERNAMA RADIO

13 MEI 2025
SELASA | 8.30 PAGI

E-INVOIS TIDAK MEMBEBAKAN, ELAK SALAH FAHAM

MOHAMAD ROZAINY BIN MOHAMAD ARIF
PENGARAH SEKSYEN BAHAGIAN E-INVOIS LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

www.hasil.gov.my | 63-8911 3000 | facebook.com/HASILMalaysia | hasil_malaysia | HASIL_Malaysia | HASIL_Malaysia | HASIL_Malaysia

Autor: Astro 502, uniti TV 651, myFreeview 121
Jalan Bernama
Facebook & Youtube: BERNAMA TV

4 JUN 2025 | RABU
9.00 - 10.00 MALAM

LIVE RUANG BICARA

DIGITALISASI HASiL: URUSAN CUKAI LEBIH MUDAH

MARSIDE @ MARSIDI BIN JULIKA @ ZELIKA
Ketua Pegawai Sektor Operasi Cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

www.hasil.gov.my | 63-8911 3000 | facebook.com/HASILMalaysia | hasil_malaysia | HASIL_Malaysia | HASIL_Malaysia | HASIL_Malaysia

Kuala Terengganu 106.8FM | Kuantan 88.8FM | Kota Bharu 88.1FM

Gegar Pagi

17 APRIL 2025 | KHAMIS | 8.00 PAGI

PENGISYTIHARAN CUKAI KEPADA PEMPENGARUH (INFLUENCERS)

ROHAIZAD BIN ABD FANDI
KETUA PENOLONG-PENGARAH LHDNM WP PUTRAJAYA

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

www.hasil.gov.my | 63-8911 3000 | facebook.com/HASILMalaysia | hasil_malaysia | HASIL_Malaysia | HASIL_Malaysia | HASIL_Malaysia

Kuala Lumpur 90.3FM | Shah Alam 100.3FM | Kota Kinabalu 90.7FM
Sandakan 94.3FM | Gunung Kledang 90.1FM | Bukit Larut 105.3FM

W-TALK

18 FEB. 2025 | TUESDAY | 11.15 AM

UNDERSTANDING TAXES: HOW WOMEN CAN BENEFIT & CONTRIBUTE?

NOORHAYA BINTI IBRAHIM
SECTION DIRECTOR POLICY REVIEW AND TECHNICAL ENHANCEMENT DIVISION TAX POLICY DEPARTMENT, HASIL

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

www.hasil.gov.my | 63-8911 3000 | facebook.com/HASILMalaysia | hasil_malaysia | HASIL_Malaysia | HASIL_Malaysia | HASIL_Malaysia

e-Invois

Digitalkan perniagaan
anda hari ini

Wah, senangnya!

Maklumat lanjut:
www.hasil.gov.my/e-invois



HASiL MyInvois



@myinvoishasil

Video Promosi **HASiL**



Katil Kosong

Tong-Tong Untuk
Masa Depan!



Follow, Like dan
Share Sekarang!



www.hasil.gov.my



@HASiL_Malaysia



HASiLMalaysia



@hasil_malaysia



hasil_malaysia



(603) 8911 1000



@HASiL_Malaysia

HASiL

EDISI 02/2025

IKUTI KAMI DI

